

14) Menganggap al-Quran sebagai sejarah sahaja.

15) Solat fardhu diabaikan atau ditinggalkan kerana cukup dengan niat di hati.

16) Anak murid perlu merangkak untuk bertemu dan bersalaman dengan guru.

17) Mengadakan upacara bai'ah , mengaku ahli adalah adik-beradik.

18) Salam antara lelaki dan perempuan bukan muhrim dikalangan ahli tidak perlu lapik tangan.

19) Tiada sembahyang sunat.

20) Suluk 20 hari dengan meninggalkan sembahyang Jumaat.

Keputusan Fatwa

1) Ajaran dan amalan Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.

2) Orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol di mana-mana jua hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'alla.



Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol

Diterbitkan oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam.

Tel : 03 - 5514 3738 / 3712 / 3713 / 3715

<http://muftiselangor.gov.my>

Latar Belakang

1. Tarikat diasaskan oleh Hj. Ibrahim bin Abdullah. Dilahirkan tahun 1920-an di Padang dan menetap di Pondok Kelapa, KM 6/2, Jalan Binjai, Medan, Sumatera. Beliau dikenali sebagai Ibrahim bin Bonjol @ Hj. Siput.

2. Pada tahun 1955 Haji Ibrahim Bonjol menggunakan orang-orangnya daripada pemuda - pemuda Parti Komunis Indonesia (PKI). Beliau pernah dipenjarakan oleh pihak pemerintah Indonesia.

3. Haji Ibrahim juga pernah cuba memerintahkan orang - orangnya menyerang Pejabat Konsulat Malaysia di Medan kerana beliau disekat daripada memasuki ke Malaysia.

4. Beliau datang ke Malaya pada tahun 1935 untuk menyampaikan ajaran tarikat tersebut di Negeri Sembilan, Selangor, Pulau Pinang, Perak dan Wilayah Persekutuan serta mendapatkan sambutan daripada orang ramai.

5. Tarikat Samaniah berasal dari perkataan 'samin' yang bererti halus, iaitu mempunyai jalan halus menuju ke jalan Allah.

6. Tarikat ini mempunyai 17 peringkat dan perlu menjalaninya selama 10 hari dan tidak ada suluk. Selepas selesai mengamalkan tarikat itu mereka boleh

mendalami tarikat lain seperti Naksyabandiyah.

7. Tarikat ini dipercayai telah tersebar luas ke seluruh Malaysia. Di Selangor, terdapat tiga pusat kegiatan yang utama meliputi daerah Cheras, Petaling Jaya dan Sepang.

Ciri-ciri Kesalahan

1) Sebelum seseorang murid diterima menjadi ahli, diwajibkan ia mandi dengan air limau bidara bagi membersihkan dosa.

2) Bersedekah dan menghormati guru adalah menjadi satu kewajipan bagi murid-muridnya. Murid harus membuat kebajikan dan memberi barangan material kepada guru.

3) Kitab **Thabitul Qulub** dijadikan kitab asas kepada tarikat yang banyak bertetangan dengan pegangan umat Islam.

4) Wirid-wirid dalam tarikat ini terkumpul di dalam bukunya **Baitul Ibadah** yang mengandungi zikir-zikir yang disusun berdasarkan ayat - ayat Al-Quran, Selawat, Istighfar dan Doa.

5) Terdapat 26 adat kesopanan murid kepada guru. Antaranya tidak boleh berkahwin dengan isteri guru yang diceraikan atau ditinggalkan mati.

6) Jika seseorang mati ketika berulang-alik ke tempat belajarnya "untuk mempelajari tarikat berkenan maka Tuhan sendiri yang akan mencabutkan nyawanya"

7) Sembahyang boleh dilakukan dengan niat sahaja (Sembahyang batin) atau ditinggalkan semasa dalam kesibukan, kemudian diqada'.

8) Nikah boleh dilakukan tanpa wali dan saksi (Nikah batin).

9) Orang-orang yang belum masuk tarikat ini dianggap belum sempurna Islam mereka. mereka diajarkan untuk di Islamkan oleh guru atau wakil tarikat ini.

10) Tarikat ini tidak perlu lagi pengajian ilmu-ilmu syariat. Ajaran ini dirahsiakan daripada bukan pengikutnya. Tarikat ini juga disebut sebagai Ilmu Sirr (Rahsia).

11) Murid mesti patuh sepenuhnya kepada guru zahir dan batin, jika guru menyatakan jodoh seseorang pengikut itu dengan seorang yang lain maka ia perlu dipatuhi.

12) Ibrahim Bonjol, guru tarikat ini mendakwa kononnya mempunyai "mukjizat" dengan mengeluarkan air dari tangannya.

13) Pergaulan bebas antara bukan muhrim dibolehkan antara ahli jika dengan niat yang ikhlas.

14) Menganggap al-Quran sebagai